



2 Januari 2014  
2 January 2014  
P.U. (A) 3

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

### PERINTAH HAD LAJU KEBANGSAAN (PINDAAN) 2014

### NATIONAL SPEED LIMIT (AMENDMENT) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH HAD LAJU KEBANGSAAN (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Had Laju Kebangsaan (Pindaan) 2014.**  
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 3 Januari 2014.

**Pindaan Jadual**

2. (1) Perintah Had Laju Kebangsaan 1989 [P.U. (A) 18/1989] dipinda dalam Jadual—

(a) dengan menggantikan butiran 17 dengan butiran yang berikut:

“17. Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya Pantai Timur – Fasa 2 yang bermula dari kilometer 295.696 (di koordinat U -69250.940, T 45040.613 Grid Cassini Negeri Terengganu) dan berakhir di kilometer 433.977 (di koordinat U 44230.307, T 12659.989 Grid Cassini Negeri Terengganu), kedua-dua jarak diukur dari Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur melalui Lebuh Raya Kuala Lumpur – Karak, Lebuh Raya Pantai Timur – Fasa 1 dan Lebuh Raya Pantai Timur – Fasa 2 termasuklah Persimpangan Bertingkat Kijal, Persimpangan Bertingkat Kertih, Persimpangan Bertingkat Paka, Persimpangan Bertingkat Dungun, Persimpangan Bertingkat Bukit Besi, Persimpangan Bertingkat Ajil, Persimpangan Jalan Telemung, Persimpangan Bertingkat Telemung, Persimpangan Bertingkat Kuala Terengganu dan jalan-jalan sambungannya.”; dan

(b) dengan memotong butiran 18.

**Peta**

3. Jalan dengan had laju yang dinyatakan dalam butiran 17 ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

**JADUAL**  
**[Perenggan 3]**

**PETA LEBUH RAYA PANTAI TIMUR - FASA 2**

